

29 APR 2003

Iraq-Syria

SYRIA MINTA BANTUAN M'SIA JIKA KENA SEKATAN PERDAGANGAN

Daripada: Ahmad Zaini Kamaruzzaman JMTM

DAMSYIK, 29 April: Syria, yang kini menerima tekanan Amerika Syarikat (AS) kononnya memiliki senjata nuklear, boleh meminta bantuan Malaysia membangunkan ekonominya jika sekatan perdagangan dikenakan terhadapnya.

Ini kerana Syria, yang amat menyanjung tinggi Malaysia dan kepimpinannya, yakin negara ini bersedia membantu berdasarkan hubungan rapat dan keupayaan dan kemahiran yang dimiliki Malaysia untuk dimanfaatkan oleh negara berkenaan.

Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Syria, Dr Rateb Salaah berkata, jika AS mengenakan sekatan perdagangan, Syria boleh mengharap negara lain, khususnya Malaysia untuk membangunkan pelbagai bidang terutama ekonomi negara itu.

Katanya, Syria dapat mempelajari kepakaran Malaysia dalam pelbagai bidang untuk menjana ekonomi dan perdagangan, terutama dalam bidang maklumat, komunikasi dan teknologi.

"Hubungan dua hala Malaysia dengan Syria bertambah erat sejak Kuala Lumpur membuka kedutaannya di sini pada Februari tahun lalu. Ia diikuti lawatan beberapa menteri bagi mengadakan rundingan dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan, ICT dan pelancongan," katanya kepada kumpulan wartawan Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM) di sini semalam.

Dr Rateb berkata hubungan dua hala dijangka bertambah erat dan diperhebatkan lagi oleh usahawan kedua-dua negara apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Syria tidak lama lagi.

Beliau mengakui isu Iraq menjadi halangan terhadap hubungan Syria-AS tetapi sekatan perdagangan jika benar tidak menjejaskan negara itu kerana jumlah perdagangan yang kecil antara kedua-dua negara.

"Imbangan perdagangan hanya US\$60 juta (RM228) juta saja. Sekatan tidak akan membawa makna. Lagi pun, barangan daripada AS, seperti yang berteknologi tinggi boleh didapati di mana-mana saja, termasuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerjasama perdagangan dengan Malaysia memang telah wujud selama ini tetapi boleh dipertingkatkan khususnya untuk produk perindustrian elektronik yang menjadi keluaran utama Malaysia.

Beliau berkata, Syria yang sedang membangunkan negara dan reformasi ekonomi memerlukan bantuan daripada negara seperti Malaysia yang bersedia menawarkan latihan vokasional, meningkat perkhidmatan, sumber manusia dan IT.

"Bagaimanapun, ia bukan bermakna kita tidak mahu bekerjasama dengan AS. Ada banyak ruang untuk kita bekerjasama dengan AS, tetapi isu Iraq menjadi penghalang ke arah itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, jika ada pun sekatan, ia akan bersifat sementara sambil menambah bahawa setiap masalah akan dibawa ke meja rundingan.

Mengulas mengenai lawatan Setiausaha Negara AS, Collin Powell yang dijangka awal bulan depan, Dr Retab menjelaskan bantahan Syria terhadap penaklukan Iraq baru-baru ini bukan bermakna negara itu menyokong rejim Saddam Hussein.

Katanya, Syria berpendapat peperangan akan menyebabkan penderitaan lebih teruk kepada rakyat Iraq yang ketika itu memang menderita, sambil menegaskan bahawa negaranya memang tidak mempunyai hubungan baik dengan Iraq sejak 1980.

"Kita perlu bekerjasama dan Syria sentiasa ada idea yang sama ke arah

```
itu," katanya.  
-- JMTM
```